

28/01/2005

Aman Malaysia hantar al-Quran

KUANTAN: Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia (Aman Malaysia) akan menghantar masing-masing 10,000 nashkah al-Quran dan muqadam serta 10,000 pasang telekung untuk disumbangkan kepada mangsa tsunami di Aceh, Selasa ini.

Penyelaras Kumpulan Aman Malaysia, Datuk Mukhriz Mahathir, berkata sekumpulan 10 pakar perubatan Aman Malaysia turut dihantar ke Ujong Bate dan Sigli, Aceh bagi membantu merawat mangsa tsunami.

Beliau berkata, dua hari lalu, sekumpulan enam pakar perubatan sudah berlepas ke negara jiran itu bagi meringankan penderitaan mangsa tsunami di Seunabok.

"Pada masa ini, mangsa tsunami di Aceh menerima berpuluh ribu tan bantuan dari seluruh dunia, tetapi malangnya anak-anak di sana tidak mempunyai muqadam dan al-Quran untuk mengaji, manakala wanitanya pula terpaksa berkongsi telekung untuk bersembahyang.

"Berikutan itu, sebagai permulaan, Aman Malaysia akan menghantar 10,000 muqadam, al-Quran dan telekung ke sana dan kita tahu ia tidak mencukupi.

"Kita boleh melancarkan kempen supaya rakyat Malaysia menderma, tetapi jika terlalu banyak, bagaimana menguruskan penghantarannya ke Aceh," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima sumbangan air mineral, alatan sekolah dan kad ucapan untuk pelajar Aceh yang disumbangkan 962 murid Sekolah Rendah Tok Sira, di sini, petang semalam.

(END) Source : Berita Harian